



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**JURUTERA SISTEM (B.2 EB.3 / B.2)  
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kermasian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**JURUTERA SISTEM**

**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN**

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)**

**B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = TIGA (3)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

**TANGGA GAJI B.2 EB.3:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Business (Computing and Information) / Communications and Computer Systems Engineering / Computer / Computing / Cyber Forensics, Information Security and Management / Cybersecurity and Forensic / Information / Information and Communication / Internet Computing / Komputer dan Teknologi Maklumat / Networks and Cybersecurity / Software Engineering* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**TANGGA GAJI B.2:**

2. i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang *Business (Computing and Information) / Communications and Computer Systems Engineering / Computer / Computing / Cyber Forensics, Information Security and Management / Cybersecurity and Forensic / Information / Information and Communication / Internet Computing / Komputer dan Teknologi Maklumat / Networks and Cybersecurity / Software Engineering* atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Penjadual atau Penyelia Sistem atau jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Penjadual atau Penyelia Sistem atau jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengendalikan projek-projek dan perkhidmatan-perkhidmatan teknikal yang diarahkan oleh ketua dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam projek dan perkhidmatan berkenaan;
2. Mengurus perlaksanaan projek-projek dan perkhidmatan *ICT* dengan teratur termasuk perlaksanaan rancangan-rancangan dan pengendalian sumber-sumber projek dan perkhidmatan berkenaan;
3. Mengkaji, mereka-bentuk dan membuat sokongan pemberian teknikal yang inovatif kepada sistem-sistem, proses-proses dan struktur yang sedia ada yang boleh membantu Kementerian / Jabatan mencapai misi, matlamat-matlamat dan objektif-objektifnya;
4. Menganalisa masalah teknikal dan keperluan projek serta perkhidmatan berkenaan dan mengendali tindakan-tindakan yang perlu diambil mengenainya mengikut bidang kuasa diberikan dan membuat laporan / sokongan kepada ketua bila diperlukan;
5. Mentadbir dan memastikan keselamatan, tahap konsistensi dan integriti prasarana, sistem *hardware* dan *software*;
6. Membantu menyediakan piawaian, dasar dan prosedur untuk memastikan pengoperasian mengikut *Best practices*;
7. Mengurus pemasangan peralatan *ICT* dan yang berkaitan dengan pengurusan fasiliti Pusat Data (data centre facilities management) seperti *Environment Monitoring System, Airconditioning System, Fire Suppression, Uninterrupted Power Supply*;
8. Mengurus pemasangan peralatan rangkaian dan yang berkaitan termasuk mengendali penggunaan *bandwidth, wireless, switching* dan *routing of network processors*;
9. Mengurus pengoperasian dan pemeliharaan peralatan *ICT* dan yang berkaitan untuk memastikan kesinambungan operasi termasuk pelan *capacity* dan *availability*;



10. Mentadbir dan memastikan keselamatan pengoperasian dan prasarana rangkaian termasuk pengurusan insiden (incident management);
11. Mereka-bentuk (architecting and designing) dan memastikan pelaksanaan *platform digital* yang terkini;
12. Mengurus dan merancang tugas-tugas pegawai dan kakitangan teknikal *ICT* di bawah tanggungjawabnya; dan
13. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan atau wakilnya dari masa ke semasa.